

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN
AHMAD [KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 15 NOVEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh mana universiti-universiti tempatan awam dan swasta, mengubah suai kursus-kursus yang ditawarkan bagi menyesuaikan kehendak pasaran dalam menangani isu kronik 'mismatch', sejak MQA mengizinkan mengubah modul pengajian serta pengenalan 'hybrid degree regulation'.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) sentiasa komited dalam memastikan graduan yang dilahirkan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dapat menyumbang kepada pembangunan negara. Justeru, menjadi fokus KPT juga agar tidak berlaku jurang kemahiran atau kompetensi graduan yang ketara dengan keperluan industri.

Bagi maksud ini, KPT telah mengambil beberapa langkah proaktif. Antara yang boleh saya kongsi di sini ialah:

- (i) Pertama, **memperkenalkan Kurikulum Tersedia Masa Hadapan atau dengan izin, *Future Ready Curriculum (FRC)***. Terdapat tiga elemen utama FRC, iaitu Struktur Kurikulum Lentur dan Organik; Penyampaian Transformatif PdP; dan Pentaksiran Holistik. Dalam hubungan ini, surat edaran kepada IPT bertarikh 6 Disember 2018 telah dikeluarkan meminta supaya IPT mengadaptasi elemen FRC dalam program akademik baharu atau semakan kurikulum sedia ada;
- (ii) Kedua, **membenarkan penyedia pendidikan tinggi (PPT) untuk membuat perubahan kurikulum sehingga 30 peratus secara dalaman tanpa perlu melalui penilaian semula oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)**. Manakala bagi program-program di bawah seliaan badan professional, perubahan kurikulum adalah tertakluk kepada pengesahan badan profesional yang berkaitan. MQA akan membuat semakan secara berkala bagi memastikan program yang ditawarkan selaras dengan perkembangan semasa;
- (iii) Ketiga, **menjumudkan, membekukan atau melupuskan program-program akademik yang telah dikenal pasti tidak relevan melalui semakan oleh MQA**. Ini bagi memberikan laluan kepada penawaran program baharu yang lebih sesuai serta memenuhi keperluan industri sejajar dengan IR4.0;

- (iv) Keempat, KPT melalui MQA turut **memperkenalkan Kerangka Penawaran Program yang menggabungkan dua atau tiga bidang seperti Major dengan Pengkhususan, Dwi Major, Major Minor dan Pelbagai Bidang (Hibrid)** sebagai menunjukkan sokongan kepada elemen, dengan izin, *transdisciplinary* dalam *Higher Education 4.0*. Konsep ini mampu menggalakkan IPT meneroka bidang ilmu baharu dan seterusnya mereka bentuk program pengajian yang dinamik serta mampu menarik minat industri dalam konteks kebolehpasaran graduan; dan
- (v) Kelima, **memperkasakan program akademik menerusi inisiatif *Experiential Learning and Competency-Based Education Landscape (EXCEL)***. Inisiatif yang baru sahaja dilancarkan pada 15 Oktober 2021 ini secara tuntasnya bertujuan untuk menghasilkan graduan yang mempunyai daya tahan serta keupayaan untuk menghadapi dan menerima perubahan, atau dengan izin *resilient and change-ready talent*.

Sekian, terima kasih.